



JOM PUASA! :D

Wahai orang-orang yang beriman,
diwajibkan ke atas
kami berpuasa sebagaimana diwajibkan ke
atas orang-orang
sebelum kamu agar kamu
bertaqwa .
(Surah al-Baqarah: 183)

Sesungguhnya bagi orang-orang yang bertaqwa
disediakan syurga-syurga
yang penuh kenikmatan di sisi
Tuhannya” (Surah al-Qalam:34)

“Sesungguhnya syurga itu mempunyai sebuah pintu,
disebut “rayyan”. Akan
diseru pada hari qiamat: “ Mana orang yang
berpuasa?” . Lalu bila orang yang
terakhir dari mereka telah masuk,
maka pintu itupun ditutup”.
(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

“ Barangsiapa yang berpuasa dalam bulan Ramadhan
kerana keimanan dan
mengharapkan keredhaan Allah, akan diampuni
dosa-dosanya yang terdahulu”
(hadis riwayat Ahmad dan Ashabussunan)

SOMEBODY IS LEAVING ...



because

RAMADAN IS COMING ...

Jangan Lupa Sahur ok?

Makan sahur lah, kerana makan sahur itu berkat.”

(hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam hadis lain, Nabi (saw) bersabda: “Bersahur itu berkat maka janganlah kamu tinggalkan, walau seorang diantaramu hanya meneguk air. Kerana Allah dan para Malaikat-Nya akan mengucapkan selawat kepada orang-orang yang bersahur”.

(hadis Riwayat Ahmad)

Dan adalah disunatkan kita melewati sahur tersebut, seperti dinyatakan oleh ‘Amar bin Maimun mengenai para sahabat Nabi (saw):

“Para sahabat Nabi Muhammad (saw) itu adalah orang-orang yang paling bersegera berbukanya dan paling lambat bersahurnya”
(Riwayat Baihaqi)

Selamat
Berpuasa!

